

Buletin UNISZA



ISSN 2180-0235 | OGOS 2014 | BIL 13



iCare dekati masyarakat
-Dato' Seri Idris Jusoh

Pengurusan Tertinggi

Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim
Naib Canselor

Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said
Penolong Naib Canselor

En. Nordin Jusoh
Pendaftar

Pn. Ariza Ibrahim
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas
Penasihat Undang-undang

Sidang Pengarang

Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Penerbit UniSZA

Dr. Bahyah Abdul Halim
Penerbit UniSZA

En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee
Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

Dr. Nalini Arumugam
Fakulti Sumberbio dan Industri Makanan

En. Mohd Shahrizal Nasir
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohamad Hafis Amat Simin
Fakulti Sains Sosial Gunaan

Pn. Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Kaswadi Yusoff
Jurufoto
Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

Mohd Safuan Amir Mohd Saidi
Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

En. Nazri Yusof
Penerbit UniSZA

Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA

Cik Nur Hanis Mohamed
Setiausaha
Penerbit UniSZA

Sumber dan Penyumbang Bahan

1. Pejabat Naib Canselor
2. Pejabat Tadbir Urus / Governans
3. Pejabat Pengarah Kampus Tembila
4. Pejabat Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar Alumni
5. Pejabat Pendaftar
6. Penerbit UniSZA
7. Perpustakaan UniSZA
8. Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa
9. Pusat Sukan dan Rekreasi
10. Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM)
11. Pusat Kesenian dan Warisan
12. Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI)
13. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE)
14. Jabatan Keselamatan
15. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
16. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
17. En. Nazli Ismail @ Nawang, Pensyarah FUHA
18. En. Mohd Firdaus Yahaya, Pensyarah FBK

Hak Cipta Terpelihara © 2014. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2014
Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Tel: 09-668 7772 Faks: 09-668 7867
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



KANDUNGAN

Utama	4
Malim Sarjana	6
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	8
Tokoh	14
Rencana	18
Pencapaian	21
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	24
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	27
Sukan dan Ko-Kurikulum	30

Menteri Pendidikan II rasmi *iCare* 2014



Program *iCare*: Perkongsian Pintar Bersama Masyarakat 2014 merupakan satu program yang menyahut usaha kerajaan dan pengurusan UniSZA ke arah transformasi dan perkongsian pintar. Program *iCare* ini dilihat mampu meningkatkan imej dan peranan UniSZA terhadap masyarakat setempat dan ia amat sinonim dengan temanya "We Care We Share, UniSZA is Everywhere". Program ini juga dilihat sebagai satu usaha menyahut kelangsungan idea Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris Jusoh ketika lawatannya ke UniSZA yang menyarankan keperluan menganjurkan program komuniti antara universiti dengan masyarakat setempat.

Majlis Perasmian *iCare* dimulakan dengan Mesyuarat Penyelaras Program-program Komuniti di Besut yang terdiri daripada sembilan buah institusi pendidikan awam dan melibatkan seramai 57 orang wakil. Dalam mesyuarat tersebut, pihak yang terlibat telah membentangkan laporan ringkas program-program komuniti yang telah dan sedang dilaksanakan di Parliment Besut.

Kira-kira lebih 1,000 pengunjung yang terdiri daripada masyarakat setempat dan pelajar sekolah hadir ke Majlis Perasmian *iCare* serta Majlis Pelancaran University Community Transformation Centre (UCTC),

UniSZA. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan II, merangkap Ahli Parlimen Besut, YB Dato' Seri Idris Jusoh pada 22 Jun 2014 (Ahad), di Kampus Tembila, Besut. UniSZA telah melaksanakan lebih 19 program yang dianjurkan oleh fakulti dan pusat tanggungjawab yang relevan dengan kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, ibu tunggal dan warga emas yang merentasi pelbagai perspektif seperti pembangunan rohani, pemerkasaan sosio-ekonomi dan pembelajaran sepanjang hayat.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini berlangsung ialah konvoi motor berkuasa tinggi ke Kampus Tembila, pelancaran penubuhan UCTC UniSZA, pengenalan maskot *iCare*, persempahan dikir barat oleh 35 orang pelajar tingkatan dua dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering, showcase robotik dan 19 pameran projek *iCare* serta Forum Perdana bertajuk 'Cakna Anak-Anak, Keluarga Cemerlang' bertempat di Masjid Taman Ilmu, Tembila. Forum ini menyaksikan kehadiran lebih 1,000 tetamu yang terdiri daripada masyarakat setempat di daerah Besut serta pelajar sekolah dan mahasiswa UniSZA.

Semua projek yang terlibat dalam program *iCare* telah disunting dan dibukukan oleh Perpustakaan UniSZA. Antara projek tersebut ialah SMART MOM

(*Single Mother Training Academy*) yang terdiri daripada dua program iaitu *Smart Business Academy for Single Mother* dan *E-PoP (Entrepreneurship Management for the Poorest of the Poor)* oleh Pusat Keusahawanan, U-CAP (Program Tindakan UniSZA dalam Komuniti) yang merupakan projek penyampaian maklumat kesihatan kepada masyarakat oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), IQRA' (*Information Query & Retrieval Assistance*) iaitu Projek Pengorganisasian Bahan dan Pengautomasian Pusat Sumber Sekolah oleh Perpustakaan, AWiE (*A Weekend in English*) untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), IT4U (*IT for Us*) oleh Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), YES (*Young Environmental Scientist*) melalui program Inspires STAR Students with *Wildlife Research* oleh Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), PERAWAT (Pemeriksaan dan Rawatan Alternatif) oleh Pusat Penataran Ilmu (PPI), Bait al-Qanun iaitu projek Klinik Guaman 'Rakan Undang-Undang Anda' yang menawarkan khidmat nasihat undang-undang secara percuma oleh Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), AGRO DIY iaitu Pertanian *Do-it-Yourself* yang bertujuan untuk keselamatan makanan oleh AGROPOLIS UniSZA, UniSZA SINCERE (UniSZA: *Students' Intelligence, Community Engagement & Responsibility*) iaitu projek K-PERMATA INSAN (Klinik TASKA PERMATA Keluarga), B-Leaders (Pembentukan Bakal Pemimpin), dan K-2K (Klinik Khatib dan Khutbah) oleh Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Pusat Pembangunan Holistik Pelajar

(HEPA), MyBReeP (*Malay Business Reengineering Project*) iaitu projek Perekayasaan Perniagaan Melayu Terengganu oleh Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP), K-ROBOTIK (Klinik Robotik) untuk sekolah-sekolah menengah di Zon Terengganu Utara oleh Fakulti Seni Reka dan Teknologi Kejuruteraan (FSTK), K-BoS (Klinik Bola Sepak) oleh Pusat Sukan dan Rekreasi (HEPA), PRISMA (Program Usahawanan Siswa dan Masyarakat) untuk Pembangunan Komuniti IKS Besut berprestasi tinggi berasaskan *community-based learning* oleh Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG), i-Kasih (Inspirasi Kasih) sebuah program rintis 'Keluargaku Bebas Dadah', dan Tahsin al-Furqan (Penghayatan al-Quran) iaitu program Klinik al-Quran oleh Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI).

UniSZA telah mengengahkan hasil projek yang telah dilaksanakan dengan pihak komuniti iaitu projek AWiE (*A Weekend in English*), IQRA' (*Information Query and Retrieval Assistance*) dan AGRO DIY (*Do It Yourself*). Projek-projek yang lain pula akan menyediakan laporan pada penghujung tahun 2014.

Program perkongsian seumpama ini diharap dapat memberi manfaat serta mampu mengetengahkan peranan aktif UniSZA dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan kepada komuniti sekitar. Di samping itu, semua aktiviti yang dianjurkan sepanjang program ini dilihat mampu merapatkan hubungan silaturahim antara universiti dengan masyarakat setempat selain menzahirkan inisiatif perkongsian kepakaran yang ada di pihak UniSZA dengan masyarakat setempat.



Sales Through Blogs in Malaysia: Should We Regulate Them?

Reviewed by
 Nazli Ismail@Nawang
 Lecturer, Faculty of Law and International Relations
 (inazli@unisza.edu.my)

Professor Dr Zuhairah Ariff Abdul Ghadas, the Dean of Faculty of Law and International Relations and her team has offered a useful insight on a crucial and underdeveloped topic in the legal predicament surrounding online sales through blogs in Malaysia. Professor Zuhairah will be presenting the paper entitled ‘Sales Through Blogs in Malaysia: Should We Regulate Them?’ at The International Private Law Conference, Instituto Universitario de Lisboa in Lisbon, Portugal this October. First and foremost, it is imperative to note that there is no universally accepted definition of the word ‘blog’ (short for web log) though the term had been around since late 1990’s. As a result, this leads to considerable confusion around the legal status of bloggers (blog author) as well as the relevant rules and regulations that are potentially applicable in the blogosphere.

In simple term, blogs refer to a web site that contains personal expressions or opinions of their authors, excerpts from other sources and often hyperlinks to other sites. Initially, blogs were primarily used as a novel channel for self-expression. But when the size and popularity of the blogosphere significantly grew in number, blogs have been resorted for various purposes including business. And in Malaysia, in tandem with the rapid growth and popularity of e-commerce, blogs have been astutely employed as perfect tools by micro and small businesses to reach prospective consumers and penetrate a borderless world and an unlimited market. Evidently, a vast array of goods such as homemade chocolate, cupcakes, designed and personal accessories are put on sale by savvy entrepreneurs in their blogs.

Since selling goods via personal blogs has become a common scenario in the country, the paramount issue that was raised in this article relates with the legality of online transactions. In relation to this, the authors submitted that with the coming into force of the Electronic Commerce Act 2006 (Act 658), legal recognition and validity of any types of commercial transactions carried out in the electronic environment is no longer an issue. Thus, sales through blogs are lawful and will be subjected to the same statutory provisions that govern other types of contracts, namely the Contracts Act 1950 (Act 136).

Apart from that, the article discussed the issue of blogs and consumer interests. In 2012, the Malaysian Parliament has enacted the Consumer Protection (Electronic Trade Transactions) Regulations 2012, which was passed as a revision to the existing Consumer Protection Act 1999 (Act 599). As a result, all online business owners as well as online market operators are mandated to make full disclosure of certain necessary information, such as details of the businesses that offer goods and services online, description of the goods or services offered, method of payment, terms and conditions, estimated time of delivery and many others. Failure to do so would constitute an offence under the law.

The article then analysed the interplay between blogs and direct sales. It is argued in the study that sales through blogs could rightfully be regarded as direct sales under the local law. As such, any commercial activities conducted in the blogosphere should be subjected to the Direct Sales Act 1993 (Act 500), which aims to accord protection to direct selling businesses. In addition, it is claimed that such blogs should also be governed by the Trade Description Act 2011 (Act 730), which was primarily enacted to prevent false description on any goods, misleading indication used as to the price of goods, false or misleading statement as to any services and regulations with regards to the content of advertisement. Any non-compliance with the statutory requirements would amount to an offence under the Trade Description Act 2011.

Privacy issues on business blogs are also examined by the writers. They averred that since sales via blogs undoubtedly involve collection and retention of some personal data of the online customers, the statutory provisions of the Personal Data Protection Act 2010 (Act 709), which recently came into force on 15th November 2013, should equally apply to these blogs. As such, business bloggers are obliged to observe seven privacy principles which are outlined in the statute namely, the General Principle, the Notice and Choice Principle, the Disclosure Principle, the Security Principle, the Retention Principle, the Data Integrity Principle and the Access Principle. However, there is an uncertainty as to whether these bloggers



should be registered as data user and under the Personal Data Protection Act 2010 and if the answer is in affirmative, what is the most likely category that will apply to them. Of to date, since there is no clear guideline on this matter, the situation still remains unchanged.

The writers then elaborated on the necessity of blogs being registered as small business enterprises. At present, any business that complies with certain prescribed criteria will be considered as a Small and Medium Enterprise (SME) business and therefore is required to register such business either under the Business Act 1956 (Act 197) or the Companies Act 1965 (Act 125). However, uncertainty arises as to whether owners of blog business are also subjected to the same regulatory regime administered by the Companies Commission of Malaysia (the CCM), a regulatory body which is established pursuant to the Companies Commission of Malaysia Act 2001 (Act 614). This is because there is no explicit statutory requirement that empowers CCM to regulate online businesses and accordingly, it is indirectly implied that business bloggers are not bound to register their businesses. In relation to this, the study asserts that there is a pressing need to have a specific authority to regulate and monitor online businesses in order to avoid any potential legal setbacks in the future.

In parallel with the discussion on the registration of business blogs as small business enterprises, the writers then explore the possibility of requiring all local bloggers to register their blogs. By virtue of the Communications and Multimedia Act 1998 (Act 588), anyone is free to establish and maintain a blog or other types of Internet based communications without

the necessity of procuring a licence. A licence is only compulsory for providers of network facilities, network services, applications services and content applications services. This is in stark contrast with the position in Singapore whereby any persons who provide programme for business, political or religious purposes in the cyber world are required to possess a valid licence and to comply with the Class License Conditions and Internet Code of Practice issued by the Singapore Broadcasting Authority (SBA). In addition, the Singapore Business Registration Act (Chapter 32) mandates all types of business entities, either a sole proprietorship, partnership, company, limited liability partnership or a limited partnership, to be registered with the Accounting and Corporate Regulatory Authority (ACRA). Thus, business blogs operated in Singapore are requested to register their businesses and failure to do so would amount to an offence punishable with a fine of up to \$5,000 or imprisonment for a term not more than 12 months or both.

As a conclusion, the writers have restated that despite the popularity and widespread acceptance of business blogs in Malaysia, key aspects of the business itself i.e. the need of having blogs registered, what specific laws should apply to the blogosphere and who should monitor the business activities on the Internet remain unsettled. It has been suggested that rights of the bloggers and the online consumers should be protected through specific legal framework. It is further argued that the Companies Commission of Malaysia (CCM) and SME Corporation should be made equally responsible to regulate the offline as well as online business activities in the country.



Bengkel Pemantapan Teori Gestalt dan Terapi Psikodrama 2014

Bengkel Pemantapan Teori Gestalt dan Terapi Psikodrama 2014 diadakan bertujuan untuk menerangkan dengan lebih terperinci tentang aplikasi Teori Gestalt secara menyeluruh dan juga aplikasi penggunaan Terapi Psikodrama terhadap klien. Teknik ini merupakan satu pendekatan terapi yang diterapkan kepada klien untuk memperoleh pemahaman tentang diri sendiri dengan lebih baik. Selain itu, penerapan teknik ini juga dapat meningkatkan kekuatan dalam diri untuk memberi reaksi terhadap tekanan-tekanan serta perkara lepas yang pernah dihadapi.

Sehubungan itu, pada 2-3 Mac 2014, Unit Kaunseling (Pejabat Timbalan Naib Canselor, HEPA) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Teori Gestalt dan Terapi Psikodrama. Bengkel ini telah dikendalikan oleh seorang mantan pensyarah universiti, iaitu Encik Baharuddin Ismail. Beliau merupakan tenaga pengajar serta pengamal teori Gestalt dan Terapi Psikodrama. Bengkel ini turut dihadiri oleh pensyarah kaunseling dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), iaitu Dr. Syarifah Marzeti, lima orang Pegawai Psikologi UniSZA dan empat orang peserta luar.

Rentetan daripada bengkel ini, dua bengkel susulan Terapi Psikodrama telah diadakan.

Bengkel pertama telah diadakan pada 1 April 2014 yang disertai oleh 40 orang peserta dan bengkel yang kedua pada 18 April 2014 dengan penyertaan seramai 26 orang peserta dalam kalangan pelajar Usuluddin dan Kaunseling UniSZA.

Pendedahan sebegini amat diperlukan oleh staf UniSZA terutamanya supaya dapat membantu mereka dalam melaksanakan tugas sehari-hari. Oleh itu, diharapkan bengkel ini dapat membantu lebih ramai peserta dalam mempelajari dan menguasai aplikasi Terapi Psikodrama secara lebih berkesan dan profesional.



Program Perkhemahan Bahasa Inggeris ke-15

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah membuka tirai bulan Jun dengan program Perkhemahan Bahasa Inggeris kali ke-15 yang dianjurkan untuk 67 orang pelajar Diploma TESL Semester Empat. Perkhemahan yang bertemakan *Pushing the Limit* ini telah dilaksanakan di Kampus Gong Badak dan Merang Suria Resort pada 1-14 Jun 2014. Perkhemahan yang diselaras oleh Puan Azimah Shurfa Mohammed Shukri serta Jawatankuasa Perkhemahan Bahasa Inggeris ke-15 ini berbeza daripada aktiviti perkhemahan biasa kerana program ini merupakan subjek teras fakulti bagi pelajar Diploma TESL. Selain itu, para pelajar juga diberi peluang untuk belajar bahasa Inggeris dalam suasana unik yang memerlukan mereka berada luar daripada zon selesa.

Antara objektif yang ingin dicapai melalui program ini ialah menyediakan satu wadah bagi para pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan lebih efektif dan mewujudkan semangat kerja berpasukan dan kepimpinan berkualiti dalam diri pelajar. Para pelajar juga akan didedahkan dengan kemahiran kreatif dan kritis ketika menyiapkan tugas-tugas yang diberi sepanjang perkhemahan ini.

Perkhemahan yang unik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu aktiviti tertutup yang telah berlangsung pada 1-12 Jun 2014 bertempat di Blok Umar serta Pusat Kesenian dan Warisan UniSZA, manakala aktiviti luar telah berlangsung di Merang Suria Resort pada

12-14 Jun 2014. Program ini telah dirasmikan oleh Dekan FBK, Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Latiff Azmi. Semangat aktiviti perkhemahan telah diterapkan melalui ikrar para pelajar bahawa mereka akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium pertuturan dan akan sentiasa bekerjasama dalam satu kumpulan.

Program ini penuh dengan pelbagai aktiviti bahasa yang unik dan menarik seperti *Future Journalist*, *Grammar Chant*, *Campus News Satire* dan *Act 1 Scene 1*. Perkhemahan kemudian diteruskan dengan aktiviti luar kampus di Merang Suria Resort. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah *Hot Seat*, *Crazy Comic*, *TESL Educational Race*, *Western Dikir* dan lain-lain. Kesemua aktiviti ini telah direka bentuk oleh pensyarah-pensyarah FBK sendiri dengan objektif khusus yang menjurus kepada meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris pelajar TESL.

Majlis penutup telah diserikan dengan kehadiran dif-dif kehormat dan persembahan pelajar. Para pelajar yang berjaya menjalani perkhemahan ini dengan cemerlang diraikan dengan penyampaian hadiah dan cenderahati. Kesimpulannya, objektif perkhemahan ini telah tercapai kerana di akhir program para pelajar berasa lebih yakin untuk bertutur dalam bahasa Inggeris, belajar untuk lebih bertoleransi dan melatih sifat kepimpinan serta pemikiran yang kritis dalam diri mereka.



'Memasyarakatkan Seni Budaya' FESTKUM 2014 Melonjakkan Nama UniSZA

UniSZA selaku Sekretariat Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) Sesi 2013/2014, telah melibatkan hampir 300 orang pelajar dari IPTA seluruh Malaysia. Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (FESTKUM) kali ke-5 yang diadakan selama tujuh hari bermula 26 Februari - 4 Mac 2014, bertempat di Kota Kinabalu, Sabah. Festival ini merupakan satu wadah untuk menggabungkan kesemua penganjuran program kebudayaan dan kesenian dalam satu anjuran bersifat gala dan lebih tersusun.

FESTKUM 2014 yang bertemakan 'Memasyarakatkan Seni Budaya' berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tanjung Aru, Suria Sabah, SMK Likas, SK All Saints, dan SMK Bading.

Fokus utamanya adalah untuk menerapkan tiga komponen dalam pengisian program iaitu persembahan, bengkel ilmiah dan *out-reach*. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang festival ini ialah keusahawanan, bengkel membuat layang-layang, bengkel tarian Gamelan Istana, bengkel pembuatan dan persembahan barongan, bengkel fotografi, bengkel menulis puisi Islam, ceramah agama, nyanyian, tarian tradisional serta banyak lagi aktiviti yang berasaskan seni dan budaya. Penganjuran festival ini dapat memberi pendedahan secara komprehensif kepada para mahasiswa serta masyarakat mengenai kebudayaan dan kesenian yang mencerminkan imej dan budaya pelbagai bangsa dan etnik di Malaysia.



‘Jom Berbasikal’ Jelajah Kampus dan Komuniti UniSZA

Julung-julung kalinya, Program ‘Jom Berbasikal’ Jelajah Kampus dan Komuniti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah diadakan bertujuan untuk menyuntik minat staf UniSZA supaya mengamalkan gaya hidup sihat sambil beriadah. Selain itu, ia dapat mengeratkan hubungan antara staf UniSZA juga akan lebih erat.

Program ini telah dilancarkan oleh Pengarah Keselamatan UniSZA, iaitu Encik Ismail Ahmad pada 29 Mei 2014. Beliau menyeru staf keselamatan UniSZA untuk mengekalkan gaya hidup sihat kerana badan yang sihat akan menyumbang kepada keharmonian suasana kerja berpasukan.



Aktiviti berbasikal anjuran Jabatan Keselamatan dengan kerjasama Pejabat Pendaftar ini telah mendapat sambutan yang amat baik daripada staf UniSZA. Seramai 26 orang pengawal keselamatan telah menyertai kayuhan untuk siri 1/2014. Kayuhan sejauh 18 km yang bermula dari Dewan Gimnasium, UniSZA melalui Jalan Gong Badak sehingga ke Maras dan berpatah balik semula ke UniSZA.

Suasana persekitaran kampus yang semula jadi dan menghijau dapat memberikan ketenangan jiwa seterusnya akan menyuntik semangat kerjasama antara pasukan.

JKR Serah Kampus Tembila

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) memasuki fasa baharu dalam proses perkembangannya dengan penyerahan kompleks Kampus Tembila oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). UniSZA Kampus Tembila yang mula beroperasi pada 8 September 2013 itu sudah menempatkan Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan serta Fakulti Informatik dan Komputeran.

Majlis penyerahan diadakan pada 2 Jun 2014 bertempat di Auditorium Blok D, Kampus Tembila. Penyerahan dibuat oleh JKR yang diwakili oleh Pengurusan Pembinaan Kampus UniSZA, Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan kepada Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr. Yahaya Ibrahim dan turut disaksikan Arkitek Kanan JKR Cawangan Pendidikan dan Pengajaran Tinggi, Encik Hanafi Hamdan. Pembinaan Kampus Tembila peringkat ketiga dengan 21 blok bangunan itu membabitkan kos sebanyak RM 225.13 juta telah bermula pada Ogos 2009.

Naib Canselor dalam ucapannya menyatakan bahawa semua pelajar jurusan diploma di Kampus Gong Badak akan dipindahkan ke Kampus Tembila apabila siap sepenuhnya nanti. Kampus tersebut mempunyai kemudahan asrama yang mampu menempatkan seramai 3,000 pelajar.

“Rancangan yang sedang dijalankan ini menunjukkan bahawa UniSZA sedang berkembang



maju seiring dengan universiti lain di negara ini,” katanya pada majlis tersebut. Menurut beliau lagi, seiring dengan langkah perkembangan ini, UniSZA dijangka mampu menampung seramai 15,000 pelajar diploma dan ijazah secara keseluruhannya menjelang tahun 2020.

Tambahnya, beberapa kursus baharu sedang dikenal pasti untuk dimulakan di UniSZA termasuk bidang telekomunikasi, robotik dan reka bentuk yang turut memperkenalkan bidang perfileman dan reka fesyen.



MALAM UniSZA BERSELAWAT 2014

Malam UniSZA Berselawat 2014 merupakan sebahagian daripada usaha untuk menerapkan budaya ilmu dalam kalangan mahasiswa UniSZA melalui kupasan-kupasan ilmiah yang bakal disampaikan oleh ulama jemputan.

Program ini berlangsung pada 15 dan 16 Mei 2014 bertempat di Masjid UniSZA dan Dataran Dewan al-Muktafi Billah Shah, UniSZA. Program yang julung kali diadakan ini dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang diselaraskan oleh Pusat Kesenian dan Warisan serta Kelab Qasidah UniSZA. Pada 15 Mei bertempat di Masjid UniSZA, penceramah, Syeikh Muhd Zainul Asri Haji Romli telah dijemput untuk mengupas tajuk ‘Sayyidina Rasulullah s.a.w. Idola Sepanjang Zaman’.

Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memberi pengetahuan yang mendalam kepada mahasiswa khususnya tentang akhlak Rasulullah s.a.w. dalam membentuk peribadi yang mulia sebagai umat Islam. Di samping itu, ia merupakan usaha untuk memberi peluang kepada warga kampus mendalami ilmu agama selain pembelajaran secara formal di dalam bilik kuliah. Selain itu, ia dapat menjadikan mahasiswa UniSZA lebih bersikap terbuka dan mempunyai sikap positif

dan sentiasa muhasabah diri dalam mendekatkan diri kepada Allah.

Majlis UniSZA Berselawat bersama tetamu jemputan iaitu Syeikh Muhammad Nuruddin Marbu al Banjari al Makki dan Syeikh Muhd Zainul Asri Haji Romli merupakan kemuncak program berkenaan. Dengan kehadiran hampir 4,000 orang, diharapkan agar program ini dapat melahirkan rasa kecintaan kepada Rasulullah s.a.w. dan secara tidak langsung melahirkan mahasiswa yang mantap rohani dan intelek di samping meningkatkan sahsiah menjadi mahasiswa yang berakh�ak mulia dan bersahsiah tinggi seperti saranan baginda Rasulullah s.a.w..



Seminar Bilateral dan Majlis Menandatangani *Letter of Intent*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA dan Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) mengorak satu langkah ke hadapan dengan mengadakan kerjasama strategik melalui Majlis Menandatangani ‘*Letter of Intent*’. Majlis ini telah diadakan pada 22 Jun 2014 bertempat di Dewan Senat, UniSZA Kampus Gong Badak. FBK telah diwakili oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Siswazah), Prof. Madya Dr. Normah Yusof, sementara Pusat Bahasa, UPNM pula diwakili pengarahnya iaitu Lt. Kol. Prof. Madya Dr. Surjeet Singh Jeggy.

Majlis tersebut diadakan sejurus selepas berlangsungnya Seminar Bilateral antara kedua-dua institusi tersebut yang bertemakan ‘Bahasa dan Peradaban’. Tiga orang pensyarah dari setiap universiti telah membentangkan kertas kerja masing-masing dalam seminar berkenaan. Antaranya ialah kertas kerja yang bertajuk ‘Bahasa dan Aspirasi Murid di Peringkat Global: Tinjauan Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)’. Makalah ini telah dibentangkan oleh pensyarah Bahasa Melayu dari FBK, UniSZA, Puan Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy yang membicarakan enam aspirasi yang wajar dimiliki oleh setiap murid untuk menghadapi cabaran globalisasi dan semasa. Enam aspirasi yang digariskan dalam PPPM ini sangat wajar dimiliki oleh setiap murid supaya lahirnya generasi holistik dari segi

intelek, rohani, emosi dan jasmani untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan sesebuah negara.

Pensyarah Bahasa Perancis dari Pusat Bahasa, UPNM, Encik Wan Ikhlas Wan Mokhtar pula telah berjaya membuatkan para peserta seminar berfikir tentang satu konsep yang jarang didengari iaitu ‘Francophonie’. Beliau menghuraikan bagaimana bahasa Perancis digunakan untuk mengekalkan penguasaan dan kebergantungan negara-negara yang pernah berada di bawah pemerintahan Perancis supaya kekal di bawah pengaruh negara tersebut. Contoh yang diberikan ialah negara-negara seperti Mali di Afrika serta Vietnam dan Kemboja di Asia.

Seramai 54 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah, kakitangan dan mahasiswa UniSZA telah menghadiri seminar ini. Seminar seterusnya dijadual akan diadakan di Kuala Lumpur pada tahun hadapan dengan UPNM sebagai tuan rumah. Bagi meneruskan perkongsian ilmiah ini, seminar sebegini akan menjadi acara tahunan bagi kedua-dua buah universiti. Jalinan kerjasama yang terbina melalui seminar yang diadakan dan Majlis Menandatangani ‘*Letter of Intent*’ diharapkan dapat mengeratkan lagi hubungan antara dua buah universiti ini pada masa akan datang terutamanya dari aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta pertukaran pelajar.



Syarahan Akademik

Bersama Profesor Pelawat

Perkongsian berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sangat diperlukan untuk membuka mata para ilmuan tentang kepentingan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan para pelajar. Jadi, syarahan akademik ini lebih tertumpu kepada perbincangan dan pandangan yang sesuai untuk meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, khususnya.

Oleh itu, kupasan yang lebih lanjut telah dibuat oleh Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan dalam tesisnya yang bertajuk 'Perkembangan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia: Satu Analisis'. Beliau telah menyampaikan syarahannya pada 8 Mei 2014 di Dewan Kuliah Utama, Kampus Gong Badak, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Syarahan akademik ini telah dianjurkan oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) dan dihadiri oleh para pensyarah serta pelajar UniSZA. Majlis ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Dekan FBK, iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Latiff Azmi. Program ilmiah seperti ini patut diadakan secara berterusan bagi menyemarakkan budaya ilmu dalam kalangan pensyarah dan pelajar.

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri merupakan pensyarah Bahasa Arab di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mempunyai kepakaran dalam pendidikan bahasa Arab. Beliau menyatakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia agak ketinggalan jika dibandingkan dengan bahasa

Inggeris. Ini kerana silihbus untuk bahasa Arab tidak dipantau dari semasa ke semasa oleh pihak yang bertanggungjawab. Hal ini mengakibatkan silihbus yang digunakan tidak mengikut peredaran masa kini dan ada sesetengahnya tidak sesuai disampaikan kepada pelajar. Selain itu, dari segi jumlah guru pengajaran juga tidak mencukupi untuk semua sekolah kerana pengambilan mereka berdasarkan kepada opsyen Pendidikan Islam. Hal ini menyebabkan kekurangan guru bahasa Arab yang mahir serta mengganggu sistem pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Selain itu, beliau juga menyarankan beberapa langkah yang perlu diambil oleh pihak bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

Majlis syarahan ini diakhiri dengan beberapa cadangan dan pandangan bernes dari pensyarah serta pelajar untuk meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Antaranya memperbanyak kartun animasi bahasa Arab dalam siaran televisyen untuk menarik minat kanak-kanak mempelajari bahasa Arab sejak dari kecil. Selain itu, para pelajar perlu sentiasa bertutur dalam bahasa Arab bagi memantapkan penguasaan bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, pihak yang bertanggungjawab patut mengambil tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.





Sejenak Bersama Penolong Naib Canselor UniSZA

Prof. Dr. Kamaruddin M. Said

Bagaimanakah Y.Bhg. Prof. mendepani cabaran sebagai Penolong Naib Canselor UniSZA dalam membangunkan UniSZA di persada antarabangsa?

UniSZA ialah sebuah universiti awam yang lahir pada tahun 2006, di sebuah negara yang sedang pesat membangun dan bercita-cita menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Beberapa universiti yang senior di Malaysia, misalnya Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia lahir dalam era pasca-kolonial, ketika Malaysia yang baru saja wujud sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, sedang merangka dan melaksanakan program pembangunan negara menerusi Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu, universiti yang senior ini telah memainkan peranan asalnya membantu agenda pembangunan negara. Namun kesemua universiti yang junior di Malaysia, termasuk UniSZA, lahir ketika institusi pengajian tinggi negara diminta memainkan peranan baharu supaya selari dengan hasrat Wawasan 2020, ia berperanan sebagai pusat pengajian tinggi dan institusi penyelidikan yang bertaraf dunia. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan pada 2007 menggariskan hasrat menjadikan IPTA sebagai institusi yang boleh melahirkan generasi muda yang berpendidikan, berkemahiran, kreatif, inovatif, bersikap progresif dan berfikiran kritis. Selain itu, IPTA juga diminta membina rangkaian kerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi ternama di dunia. Pada masa yang sama, IPTA diminta menilai kedudukan masing-masing dalam sistem penarafan

(ranking) antarabangsa. Sejak itu, tugas IPTA menjadi semakin kompleks dan sangat mencabar. UniSZA lahir dan terus berhadapan dengan senario ini. Namun begitu, pada bulan Mei 2014 yang lalu, YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga merupakan Menteri Pendidikan I dilaporkan berkata bahawa keutamaan IPTA adalah untuk melahirkan graduan cemerlang dan tidak seharusnya hanya mengejar kedudukan universiti dalam *ranking* dunia. Kita perlu memahami evolusi peranan universiti di negara membangun pada abad ke-21 ini.

Sebagai Penolong Naib Canselor (PNC) UniSZA kini, saya ditugaskan memimpin Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa, Pusat Pelajar Antarabangsa, Penerbit UniSZA, Perpustakaan UniSZA, serta kegiatan jaringan komuniti dan industri. Setiap satu pusat ini adalah PTJ yang boleh dikatakan sedang mantap dan boleh bergerak dengan sinergi masing-masing. Saya beruntung kerana setiap PTJ ini mempunyai staf yang berdedikasi dan dipimpin oleh pengarah dan ketua yang bermotivasi tinggi, cekap dan bertanggungjawab. Oleh itu, boleh dikatakan, saya mempunyai *auto-pilot* yang cekap dan sistematis melaksanakan tugas masing-masing, yang membantu saya memastikan setiap PTJ ini bergerak menuju destinasi yang telah saya bincangkan dengan mereka. Hasilnya setakat ini adalah sangat baik untuk UniSZA. Paling penting, UniSZA dipimpin oleh Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim sebagai Naib Canselor yang sangat berani bereksperimen dan tidak takut menghadapi cabaran. Beliau tahu destinasi yang hendak dituju. Anggota kumpulan pengurusan

16 Tokoh

tertinggi, termasuk saya, memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada beliau.

Pada saya, UniSZA perlu dibangunkan dengan strategi duaan: pertama, memperteguh budaya kecemerlangan dalam ekosistem dan budaya UniSZA sendiri. Kedua, mempromosi UniSZA di persada antarabangsa. Kini, sambil kita mengambil langkah konkret untuk mentransformasi UniSZA, kita juga secara berhati-hati mempromosikan UniSZA di peringkat antarabangsa, supaya kita tidak keterlaluan mengangkat diri di pentas dunia. Ini bermakna bahawa apabila UniSZA semakin dikenali di persada antarabangsa, UniSZA telah pun bersedia menjadi pemain antarabangsa dengan mempunyai program pengajian dan kurikulum yang diiktiraf oleh pihak yang berwibawa, mematuhi piawaian antarabangsa, mempunyai tenaga pengajar, penyelia, penyelidik dan pentadbir yang cekap dan berkebolehan, mempunyai prasarana yang berkualiti, perpustakaan yang serba lengkap, kemudahan teknologi maklumat yang baik dan sebagainya. Agenda paling besar ialah untuk membina dan memantapkan budaya kecemerlangan dalam semua aspek di UniSZA. Kesemua ini sedang diusahakan dengan gigih oleh Y.Bhg. Prof. Datuk Naib Canselor dan tekad saya adalah untuk membantu beliau.

Apakah peranan Y.Bhg. Prof. dalam Majlis Profesor Negara dan bagaimanakah penglibatan Y.Bhg. Prof itu membantu UniSZA dalam meningkatkan kualiti akademik, penyelidikan dan pengantarabangsaan?

Dalam Majlis Profesor Negara (MPN) pula, peranan saya sebelum ini ialah sebagai Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosio-Budaya. Kini tugas saya ialah sebagai Timbalan Setiausaha Agungnya. Tugas di MPN ini juga berat kerana kini MPN berada di bawah Jabatan Perdana Menteri (sebelum ini MPN berada di bawah Kementerian Pendidikan) dan banyak program MPN yang perlu dilaksanakan dengan jayanya. Sebagai Timbalan Setiausaha Agung, kini saya terlibat dalam mesyuarat pengurusan tertinggi MPN dan juga mewakili MPN dalam mesyuarat pengurusan di Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu saya sentiasa berulang-alik antara Kuala Terengganu dengan Putrajaya. Selain itu, saya juga menjadi penyelaras bagi Ikatan Profesor Indonesia-Malaysia (IPIMA) yang ditubuhkan pada November 2013 yang lalu. Lantaran itu, saya juga perlu menjalin komunikasi dan bertemu dengan pucuk pimpinan Asosiasi Profesor Indonesia, sama ada di Jakarta, Bogor, Jogjakarta ataupun Bandung.

Ketika di sekretariat MPN di Putrajaya dan ketika menghadiri mesyuarat di Jabatan Perdana Menteri, saya sentiasa membawa nama UniSZA bersama saya. Tag nama yang saya gunakan mempunyai logo UniSZA. Oleh itu, saya ialah wakil UniSZA dalam MPN dan saya juga wakil UniSZA dalam IPIMA. Setakat ini, program akademik dan pengantarabangsaan yang dianjurkan oleh MPN turut melibatkan UniSZA

secara langsung dan tidak langsung. Buku *Perpaduan Nasional Dalam Pelbagai Perspektif*, yang merupakan himpunan kertas kerja persidangan anjuran MPN, dan saya adalah penyuntingnya, akan diterbitkan oleh MPN dengan kerjasama Penerbit UniSZA. Program ‘Profesor Turun Padang’ yang diadakan di Terengganu, anjuran MPN, juga sentiasa melibatkan UniSZA sebagai urus setianya. Di peringkat antarabangsa, saya bertugas mewakili MPN dan terus membawa nama UniSZA bersama saya. Jadi boleh dikatakan, nama UniSZA turut berada di mana-mana, bergandingan dengan nama MPN. Dalam bidang penyelidikan, tenaga akademik UniSZA turut terlibat menerusi jaringan kerjasama berdasarkan keanggotaan dalam mana-mana kluster MPN.

Apakah antara perancangan dan strategi Y.Bhg. Prof. bagi mewujudkan kerjasama yang baik antara UniSZA dengan universiti luar negara dalam memperkayakan perkongsian ilmu dan kebudayaan?

Pada saya, strategi terbaik ialah, pertamanya, UniSZA amat perlu mencemerlangkan ekosistemnya terlebih dahulu. Banyak perkara perlu dilakukan. Misalnya, maklumat tentang UniSZA dalam Wikipedia perlu sentiasa dikemas kini. Ini kerana Wikipedia ialah sumber maklumat awal yang sentiasa dicapai oleh komuniti antarabangsa. Selain itu, laman web UniSZA juga perlu menarik, kemas kini dan berbahasa Inggeris, dan mudah dicapai oleh sesiapa saja. Kunjungan rasmi ke pelbagai institusi pengajian tinggi di luar negara perlu diadakan, dan saya turut beberapa kali mengiringi Y.Bhg. Prof. Datuk Naib Canselor ke luar negara untuk mempromosikan UniSZA. Dalam tahun 2013, hampir 20 memorandum persefahaman dan kerjasama telah ditanda tangani oleh Naib Canselor dengan pihak pengurusan tertinggi universiti-universiti antarabangsa, termasuklah di negara China, Jepun, Indonesia, Iran, dan negara-negara Timur Tengah. Hasil promosi antarabangsa ini, kini seramai kira-kira 130 orang pelajar siswazah daripada negeri Kano di negara Nigeria sedang melanjutkan pelajaran di UniSZA dan dibiayai sepenuhnya oleh biasiswa kerajaan negeri Kano. Selain itu, ramai pelajar daripada Kazakhstan telah datang melawat UniSZA sebagai persediaan untuk melanjutkan pengajian di universiti ini. Pelajar daripada Indonesia juga telah mula menaruh minat untuk melanjutkan pengajian di UniSZA setelah nama UniSZA tersenarai dalam senarai universiti yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Indonesia (sebelum ini, nama yang tersenarai ialah Universiti Darul Iman, iaitu nama asal UniSZA). Pelajar daripada negara China juga akan mula datang ke UniSZA tidak lama lagi. Walaupun begitu, kurikulum dan program pengajian yang ditawarkan oleh UniSZA perlu menarik, dan diiktiraf oleh badan pemantau kualiti di peringkat nasional dan antarabangsa.

Proses perkongsian ilmu terjadi menerusi banyak cara. Cara yang terbaik ialah menganjurkan persidangan secara bersama dengan institusi



pengajian tinggi luar negara, secara bergiliran. Kedua ialah dengan menggalakkan tenaga akademik UniSZA membina jaringan keilmuan dengan rakan-rakan sekepakaran di luar negara. Kedua-dua perkara ini sedang berlaku dan melibatkan UniSZA, dan ia boleh dipergiatkan lagi.

Memasyarakatkan UniSZA dengan komuniti setempat dalam negara dan luar negara adalah satu usaha yang efektif. Apakah pelan tindakan yang dijalankan oleh pihak Y.Bhg. Prof. dalam meningkatkan usaha jaringan komuniti ini.

Menjalin hubungan simbiosis antara universiti dengan komuniti dan industri ialah satu fenomena baharu yang sedang dipergiatkan di UniSZA. UniSZA dulu dikenali sebagai KUSZA (Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin), memang telah dikenali di peringkat nasional dan antarabangsa. Kini program memasyarakatkan UniSZA sedang giat dilaksanakan. Tahun ini, sebanyak 17 program jaringan UniSZA-masyarakat telah diadakan. Ini termasuklah program ‘University-Community Engagement: UniSZA Bersamamu. Program yang telah dilaksanakan pada Jun 2014 dikenali sebagai iCare: We Care, We Share – UniSZA is Everywhere. Konsep iCare ini meliputi program AWIE (A Weekend In English), program Tahsin Al-Quran, E-PoP yang melatih golongan miskin sebagai usahawan, MyBreeP yang membantu memperkasa peniaga Melayu, i-KASIH yang merupakan program bebas dadah, Klinik Bola Sepak dan Klinik Guaman (lihat halaman 4). Perpustakaan UniSZA turut memberikan sumbangan kepada komuniti menerusi program membantu perpustakaan di beberapa sekolah di negeri Terengganu. Sesungguhnya tenaga akademik dan pentadbiran UniSZA memperlihatkan kesediaan

yang tinggi memberikan sumbangan idea, tenaga dan kemahiran untuk kepentingan masyarakat. Kesemua program yang dilaksanakan memberi manfaat semua kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, ibu tunggal dan warga emas yang merentasi pelbagai perspektif seperti pembangunan rohani, pemerkasaan sosio-ekonomi dan pembelajaran sepanjang hayat.

Bagaimanakah pihak Y.Bhg. Prof. menyokong aspirasi pihak pengurusan UniSZA dalam merealisasikan motto ‘Pengurusan Mesra dan Efektif’ dalam mewujudkan suasana *win-win situation* antara *stakeholders* dan *shareholders*.

Saya terlatih dalam bidang antropologi dan sosiologi, dan saya juga tahu sedikit sebanyak tentang kelakuan organisasi. UniSZA ialah sebuah universiti, iaitu sebuah organisasi yang mempunyai warga yang pelbagai: tenaga akademik, tenaga pengurusan, tenaga pentadbiran dan sokongan, para pelajar tempatan dan antarabangsa, alumni dan sebagainya. Oleh itu, UniSZA adalah sebuah komuniti yang agak besar, kesemuanya berjumlah lebih 10,000 orang. Saya pernah bertanya kepada diri saya sendiri, adakah warga akademik UniSZA akan bergerak sederap dengan pucuk pimpinan menuju ke destinasi cemerlang yang telah ditetapkan? Adakah mereka bersedia untuk bertransformasi? Adakah mereka merasakan motto ‘Pengurusan Mesra dan Efektif’ itu benar-benar menggambarkan imej pihak pengurusan kini? Untuk menjawab soalan itu, saya dengan bantuan kawan-kawan lain telah menjalankan satu kajian ringkas terhadap senario perenggu minda (*mindset*) tenaga akademik UniSZA pada awal 2014. Hasil kajian menunjukkan bahawa tenaga akademik UniSZA menyokong sepenuhnya pelan transformasi UniSZA (lihat Buletin UniSZA, April 2014, bil. 12). Oleh itu, In Sha aLlah, usaha untuk membangunkan budaya kecemerlangan di UniSZA akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dari segi istilah, *stakeholders* UniSZA ialah pihak yang mempunyai minat dan kepentingan tertentu terhadap prestasi dan potensinya. Ini termasuklah ibu bapa pelajar dan anggota masyarakat setempat, para pelajar di setiap peringkat pengajian, pihak industri dan bakal majikan, para ilmuwan secara umum dan sebagainya. Istilah *shareholders* merujuk kepada pemilik dan pelabur yang mendirikan, membangunkan serta membiayai kos kewujudan UniSZA. Pihak *stakeholders* menaruh harapan tinggi terhadap output ilmu dan sumber manusia berilmu yang mereka perlukan daripada UniSZA. *Shareholders* pula menaruh harapan terhadap pulangan langsung dan tidak langsung hasil pelaburan mereka. Oleh itu, sebagai sebuah organisasi keilmuan, UniSZA perlu memenuhi harapan kedua-dua pihak. Di sinilah letaknya kepentingan visi dan misi serta peranan strategik yang dimainkan oleh pucuk pimpinan dan pengurusan tertinggi UniSZA.


EZ-Arabic: Laman Pembelajaran Bahasa Arab Peringkat Rendah

Mohd Firdaus Yahaya
 Fakulti Bahasa dan Komunikasi
 mohdfirdaus@unisza.edu.my

Saban hari, perkembangan teknologi semakin pesat membangun, tidak ketinggalan juga dalam bidang pendidikan. Sumber atau bahan pembelajaran dibangunkan dengan menggunakan teknologi sama ada secara atas talian, penciptaan alat inovasi dan sebagainya. Dalam hal ini, pembelajaran bahasa Arab juga menerima kesan positif daripada kepesatan teknologi. Malah, ia menjadi satu keperluan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran pada masa kini. Sumber pembelajaran atas talian membuka ruang kepada para pengguna bagi menambah bahan pembelajaran mereka yang sedia ada. Selain itu, membolehkan mereka untuk mengakses bahan-bahan tersebut tidak kira di mana sahaja jika diperlukan.

Seiring dengan kepesatan dan kemajuan teknologi

dalam bidang pendidikan serta lambakan bahan pembelajaran atas talian masa kini, ia telah mendorong penulis dan dua lagi rakan penyelidik, iaitu Encik Mohd Shahrizal Nasir dan Dr. Muhammad Sabri Sahrir dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk membangunkan sebuah laman prototaip pembelajaran bahasa Arab yang berpusat. Laman pembelajaran berpusat bermaksud laman yang mengumpul serta menggabungkan maklumat daripada pelbagai sumber. Ia juga boleh dinamakan sebagai *repository* atau gudang bagi sumber pembelajaran bahasa Arab. Pembinaan laman ini telah diusahakan dengan berpandukan kepada model reka bentuk pengajaran (*instructional design –ID*) *rapid prototyping* seperti dalam Rajah 1.



Fokus pengguna yang akan melayari laman ini ialah pelajar di peringkat sekolah rendah atau mereka yang masih baharu dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing dalam konteks

negara ini. Jadual 1 menunjukkan proses yang dilalui ketika pembangunan laman prototaip EZ-Arabic. Laman ini boleh dilayari melalui pautan <http://ezarabic.net/v1>.

Jadual 1: Fasa dan proses pembangunan laman prototaip EZ-Arabic

Fasa	Proses
Analisis Keperluan dan Isi Kandungan	Analisis keperluan pelajar. Analisis keperluan institusi. Analisis isi kandungan pembelajaran. Analisis e-pembelajaran yang sedia ada.
Penetapan Objektif	Objektif pembelajaran bahasa. Objektif kemahiran berbahasa. Reka bentuk asas.

Fasa	Proses
Pembangunan Prototaip	Kerja berpasukan. Menggunakan pelbagai sumber kajian tentang teknologi.
Pengaplikasian Prototaip	Mengadakan sesi penggunaan percubaan dalam skala yang kecil. Mengumpul maklumat dan maklum balas daripada pengguna.
Pemasangan dan Penyelenggaraan Sistem	Mengkaji semula maklumat dan maklum balas yang diterima daripada pengguna. Mengkaji semula proses reka bentuk dan pembangunan prototaip. Penambahbaikan secara berterusan.

Laman EZ-Arabic merupakan sebuah laman atas talian yang dibangunkan berteraskan pembelajaran daripada pelbagai sumber terbuka. Bahan atau sumber dalam laman ini digabungkan serta disusun mengikut kategori atau komponen bagi memudahkan para pengguna melayarinya. Terdapat enam komponen utama dalam prototaip EZ-Arabic, iaitu:

- **Buku Elektronik**

Laman prototaip EZ-Arabic menggunakan buku bahasa Arab peringkat sekolah rendah. Kemudian pembahagian dilakukan mengikut tahun atau tahap pembelajaran, iaitu dari tahun satu sehingga tahun enam.

- **Video**

Video ialah komponen kedua yang terdapat dalam prototaip EZ-Arabic. Komponen video dibahagikan kepada lima bahagian utama seperti berikut: (a) Huruf, (b) Kosa Kata, (c) Nasyid, (d) Muslim Kids dan (e) Kartun.

- **Laman Web**

Laman prototaip EZ-Arabic juga telah menggabungkan laman web lain ke dalam laman prototaip ini bagi membantu proses pembelajaran. Sebagai contoh, laman *Tanzil.net*, kamus serta terjemahan daripada laman Google dan juga laman yang menyediakan

perkhidmatan *tashkil* (baris/tanda bacaan).

- **Audio**

Komponen keempat dalam laman prototaip EZ-Arabic ialah audio. Sebuah album nasyid ‘Ustaz Mior’ dimuatkan dalam komponen ini. Album ini digunakan dalam sukatan pelajaran bahasa Arab peringkat sekolah rendah berserta lirik.

- **Permainan**

Terdapat sembilan jenis permainan bahasa yang telah disediakan dalam laman prototaip ini meliputi permainan penentuan huruf, kosa kata, susun ayat, ungkapan, jam dan *who wants to be a millionaire*.

- **Papan Kekunci Arab**

Komponen papan kekunci aksara Arab juga ditambah bagi memudahkan pelajar untuk menaip aksara-aksara dalam bahasa Arab di laman EZ-Arabic.

Jadual 2 merupakan komenar dan cadangan daripada pengguna laman prototaip EZ-Arabic (Mohd Firdaus, Muhammad Sabri & Mohd Shahrizal, 2013). Mereka telah menggunakan laman ini serta memberi cadangan untuk proses penambahbaikan pada masa akan datang. Komenar dan cadangan-cadangan yang diberikan telah dibahagikan kepada beberapa tema utama seperti yang tertera dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tema komenar dan cadangan penambahbaikan

Tema	Komentar & Cadangan
i. Paparan Antara Muka	<ul style="list-style-type: none"> - Penambahbaikan paparan antara muka yang lebih mesra pengguna. - Pembesaran saiz buku elektronik (e-buku) supaya lebih jelas. - Penggunaan dwibahasa pada arahan. - Penambahan unsur warna yang bersesuaian dengan pengguna, iaitu kanak-kanak.
ii. Aplikasi Sokongan	<ul style="list-style-type: none"> - Penambahbaikan pada sebahagian audio dan video. - Penambahan audio dalam bahagian e-buku. - Penambahan perisian e-Jawi.

Tema	Komentar & Cadangan
iii. Kebolehgunaan	<ul style="list-style-type: none"> - Boleh digunakan dalam pembelajaran di rumah. - Kepelbagaian sumber maklumat berkaitan sukan pelajaran. - Bersesuaian dengan pelajar pada peringkat umur rendah.
iv. Kepelbagaian Nilai Tambah	<ul style="list-style-type: none"> - Keperluan untuk terus dibangunkan dalam perisian iPad. - Boleh dibangunkan menurut keperluan pengguna peringkat tinggi. - Keperluan menyediakan sari kata dalam video. - Pertukaran daripada format PDF kepada format GIF untuk mempercepatkan proses penggunaan e-buku.

Berdasarkan hasil dapatan daripada kaji selidik yang dijalankan, ia menunjukkan bahawa para pengguna laman prototaip EZ-Arabic telah memberi respons yang amat positif dalam usaha penambahbaikan laman prototaip. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan potensi yang tinggi untuk laman ini mendapat sambutan baik daripada para pengguna. Pengguna ini bukan sahaja terdiri daripada para guru bahasa Arab dan pelajar bahasa Arab di peringkat sekolah rendah, malah boleh dimanfaatkan oleh para ibu bapa serta pelajar peringkat tinggi.

Pemanfaatan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya bagi para pelajar peringkat rendah merupakan satu keperluan untuk penambahbaikan proses pembelajaran sejarah dengan tuntutan semasa. Selain bertujuan menarik minat pelajar agar memahami pelajaran, ia turut menyemai sikap pembelajaran secara kendiri dalam diri pelajar. Laman EZ-Arabic dilihat sebagai satu medium yang mampu membantu para guru dan pelajar bagi mendapatkan bahan pengajaran dan pembelajaran secara mudah dan komprehensif, iaitu meliputi beberapa kemahiran berbahasa. Usaha penambahbaikan laman EZ-Arabic akan terus dijalankan seiring dengan keperluan semasa. Usaha ini merupakan satu keperluan bagi memastikan laman EZ-Arabic kekal relevan sebagai medium bantuan bagi proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat rendah.

Pengiktirafan

Laman prototaip EZ-Arabic juga telah menyertai beberapa pertandingan inovasi, peringkat dalaman dan juga peringkat kebangsaan. Penyertaan dalam pertandingan IIUM Research, Invention and Innovation Exhibition (IRIIE) peringkat UIAM telah melayakkan laman ini memperoleh pingat gangsa. Pingat perak pula

diperoleh di peringkat UniSZA dalam Pertandingan Inovasi sempena Minggu Penyelidikan UniSZA (MPI 2014). Di peringkat kebangsaan pula, iaitu melalui pertandingan *Innovation and Invention Competition Through Exhibition* (iCompEx 2014) yang berlangsung di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), laman prototaip EZ-Arabic telah meraih pingat emas.

Rujukan

- Ashinida Aladdin, Afendi Hamat & Mohd. Shabri Yusof. 2004. Penggunaan PBBK (Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer) dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing: Satu tinjauan awal. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 4(1), 1-16.
- Joliffe, A., Ritter, J. & Stevens, D. 2001. *The Online Learning Handbook, Developing and Using Web-Based Learning*. London: Kogan Page Limited.
- Mohd Firdaus Yahaya, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Shahrizal Nasir. 2013. Pembangunan laman web EZ-Arabic sebagai alternatif pembelajaran maya bahasa Arab bagi pelajar sekolah rendah Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 61(1), 11-18.
- Muhammad Sabri Sahrir & Ghazali Yusri. 2012. Online vocabulary games for teaching and learning Arabic. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(3), 961-977.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berdasarkan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53-63.
- Tripp, S. & Bichelmeyer, B. 1990. Rapid prototyping: An alternative instructional design strategy. *Educational Technology Research & Development*, 38(1), 31-44.

PBAKL Lonjak Hasil Jualan Penerbit UniSZA

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) merupakan acara tahunan negara dalam usaha kerajaan untuk menggiatkan lagi industri perbukuan negara. Selari dengan usaha ini, Penerbit UniSZA di bawah naungan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) tidak melepaskan peluang untuk menyerlah dan menyebarluaskan citra terbitan ilmiah melalui saluran ini. Bersama dengan 19 penerbit universiti yang lain, Penerbit UniSZA memanfaatkan sepenuhnya persada pemasaran ini untuk membina jaringan, mempromosi dan memasarkan karya-karya ilmiah terbitannya.

PBAKL kali ke-33 yang berlangsung dari 24 April - 4 Mei 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ini menghimpunkan sebanyak 280 penerbit terkenal dari dalam dan luar negara. Sebagai penerbit yang masih ‘hijau’, penyertaan kali ketiga Penerbit UniSZA ini merupakan salah satu usaha untuk berkongsi ilmu dan menimba pengalaman sebanyak mungkin daripada rakan-rakan penerbit universiti yang lain, khususnya berkaitan dengan proses pemasaran karya-karya ilmiah yang dilihat lebih perlahan berbanding pemasaran novel dan buku-buku popular.

Selain bertujuan untuk ‘memperkenalkan’ Penerbit UniSZA, penyertaan pameran kali ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kakitangannya tentang strategi pemasaran dan membina jaringan



bersama pengedar dan pembeli.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh MAPIM, Penerbit UniSZA menunjukkan prestasi jualan yang sangat baik iaitu 85 peratus peningkatan berbanding tahun 2013. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan dalam usaha untuk meningkatkan lagi jumlah jualan buku-buku terbitannya. Hal ini sekaligus dapat melonjakkan nama UniSZA di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui penghasilan karya-karya ilmiah yang berkualiti .

Penarafan Emas Suntik Semangat Lucero

Sekali lagi Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perpustakaan, Lucero telah mengharumkan nama UniSZA dengan memenangi Anugerah Emas di Regional Convention on Team Excellence Wilayah Pantai Timur 2014 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 18-19 Jun 2014 yang lalu di The Zenith Hotel, Kuantan, Pahang. Sebelum ini, Lucero turut menerima penarafan yang sama di Mini Convention on Team Excellence Wilayah Pantai Timur 2014 pada 27 Mac 2014 di Kota Bharu, Kelantan. Lucero juga merangkul penarafan Emas di Konvensyen KIK IPTA ke-10 yang berlangsung di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 8-10 April 2014. Ini juga merupakan kali kedua Lucero mewakili UniSZA di peringkat IPTA di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan berjaya merangkul Anugerah Perak pada 28 Mac 2013.

Bagi tahun 2014, Kumpulan KIK Perpustakaan, Lucero telah membawa hasil projek mereka yang bertajuk *i-Lokerz* bagi kategori teknikal yang merupakan satu projek bagi menambah baik sistem



loker perpustakaan dalam mengenal pasti loker yang kosong bagi mengoptimumkan penggunaan loker yang sedia ada. Anugerah Emas ini telah memberikan satu pengiktirafan kepada setiap ahli di atas segala usaha yang dicurahkan dalam meningkatkan mutu kerja serta mampu menyuntik semangat baharu kepada perkhidmatan awam dan sama membantu melonjakkan nama UniSZA.

UniSZA raih 5 pingat di Geneva

Pada 4-6 April 2014, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) telah menguruskan penyertaan para penyelidik Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) ke 42nd International Exhibition of Inventions of Geneva di Dewan Palexpo 7, Geneva, Switzerland. Penyertaan UniSZA telah diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UniSZA iaitu Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman. Kontinjen UniSZA terdiri daripada Dr. Khamsah Suryati Mohd (Timbalan Pengarah Inovasi CRIM) Prof. Dr. Lua Pei Lin (FPSK), Dr. Engku

Fadzli Hasan Syed Abdullah (FIK), Normala Rahim dan Azwa Abdul Aziz (FIK) serta Muhammad Muzzammel Mukhtar (FSTK).

Sebanyak lima produk UniSZA telah dipertandingkan bagi tiga kategori iaitu *Computer sciences-software-Electronics-Electricity-Methods of communication, Furnishing-Interior architecture, dan Teaching methods and materials-Musical instruments-Art materials.*

Produk-produk yang dipertandingkan ialah:

Bil.	Penyelidik	Produk
1.	Prof. Dr. Lua Pei Lin	<i>Interactive Animated Epilepsy Education Programme (IAEEP) for Children</i>
2.	Dr. Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah	<i>i-Warner</i>
3.	Normala Rahim	<i>Virtual Umrah</i>
4.	Azwa Abdul Aziz	<i>ExGenoba System</i>
5.	Muhammad Muzzammel Mukhtar	<i>Zulhause</i>

Pameran ini berlangsung selama lima hari dan dirasmikan oleh Jean-Luc Vincent, Presiden Jawatankuasa Penganjur Geneva Inventions. Pameran ini dianjurkan secara bersama antara World Intellectual Property Organisation (WIPO), Swiss Confederation dan Bandaraya Geneva. Lebih daripada 1,000 ciptaan telah dipertandingkan pada tahun ini yang terdiri daripada syarikat, institusi, universiti dan individu dari lebih 45 buah negara.

Seramai 60,000 pelawat hadir sepanjang lima

hari pameran berlangsung. Pertandingan ciptaan telah diadili oleh 85 orang panel juri yang pakar dalam bidang berkaitan. Penglibatan dalam pameran ini amat penting kerana ia menjadi pemangkin bagi usaha memasarkan produk, mempromosi UniSZA serta memperkenalkan pengiktirafan akademik dan penerbitan sebagai output produk penyelidikan UniSZA.

Dalam pertandingan tersebut, UniSZA telah berjaya memenangi pingat untuk semua penyertaan termasuk dua anugerah khas.

Senarai pingat yang dimenangi adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Penyelidik	Fakulti	Produk	Pingat
1.	Prof. Dr. Lua Pei Lin	FPSK	<i>Interactive Animated Epilepsy Education Programme (IAEEP) for Children</i>	Emas
2.	Dr. Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah	FIK	<i>i - Warner</i>	Emas
3.	Normala Rahim	FIK	<i>Virtual Umrah</i>	Perak
4.	Muhammad Muzzammel Mukhtar	FSTK	<i>Zulhause</i>	Perak
5.	Azwa Abdul Aziz	FIK	<i>ExGenoba System</i>	Gangsa



Senarai anugerah khas yang diperolehi adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Penyelidik	Fakulti	Produk	Anugerah
1.	Normala Rahim	FIK	Virtual Umrah	Certificate of Innovation Recognition for Outstanding Achievement (The General Presidency for the Holy Mosque and Prophet Mosque Affairs, Kingdom of Saudi Arabia)
2.	Azwa Abdul Aziz	FIK	ExGenoba System	Korea Invention Promotion Association (KIPA)

Selain daripada perkongsian idea dan kepakaran, pameran ini juga membuka peluang jalinan kerjasama dan rakan usaha antara para peserta dengan pengunjung yang terdiri daripada pelbagai syarikat dan organisasi bertaraf antarabangsa. Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UniSZA telah mengambil peluang mengadakan perbincangan dengan beberapa delegasi dari beberapa buah negara termasuk Timbalan Menteri Pendidikan Thailand, Prof. Pavich Tongroach; Presiden Majlis Penyelidikan Negara Thailand, Prof. Dr. Soottiporn Chittmittrapap; *President General of the Presidency for the Affairs of the Holy Mosque and the Prophet's Mosque*, Dr. Abdul Rahman al-Sudais dan Timbalan Menteri Pendidikan

India.

Pelbagai pihak telah menyatakan sokongan dan minat untuk menjalinkan hubungan jangka panjang dalam bidang akademik dan penyelidikan bersama UniSZA termasuk beberapa syarikat berpangkalan di Geneva. Produk Virtual Umrah contohnya telah menarik minat beberapa syarikat agensi pelancongan yang ingin memasarkan produk tersebut di pasaran Eropah. Ciptaan perabot Zulhause oleh pelajar UniSZA pula telah menarik minat beberapa syarikat dan individu untuk mendapatkan produk tersebut.

Pensampelan Kualiti Air di Sg. Pelus, Perak dan Cameron Highlands, Pahang



Penyelidik Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sekali lagi telah melakukan kerja lapangan pensampelan air di Sungai Pelus, Perak bagi pengumpulan data musim kering. Kerja-kerja dijalankan pada 24 - 25 Jun 2014. Penyelidik dari ESERI diketuai oleh Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir telah dibantu oleh dua penyelidik bersama iaitu Encik Mohd Khairul Amri Kamarudin dan Encik Azman Azid.

Program ini juga turut disertai oleh penyelidik dan pelajar dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Penyelidik dari UPM telah diketuai oleh Dr. Nor Rohaizah Jamil, Pensyarah Fakulti Pengajian Alam Sekitar (FPAS) dan Frankie Marcus penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penyelidikan kali ini juga turut disertai oleh seramai lima orang pelajar ijazah dari FPAS, UPM.

Penyelidikan yang dijalankan tertumpu kepada pengumpulan data berkaitan dengan hidrologi, kualiti air, envirometrik dan *Decision Support System* (DSS). Kajian ini bertujuan untuk menganalisa pencemaran kualiti air yang berlaku di sungai tersebut serta punca yang menyumbang ke arah kemerosotan kualiti air di kawasan kajian.

Kaedah kajian lapangan digunakan dengan melibatkan sebanyak lapan lokasi pensampelan sepanjang Sungai Pelus yang majoriti penghuninya ialah orang asli. Sebanyak 11 parameter utama iaitu BOD, TSS, conductivity, turbidity, iron, hardness, phosphate, COD, DO, NH₃-N dan pH digunakan bagi mengukur tahap kebersihan air

sungai ini melalui analisis makmal dan dipaparkan melalui Indeks Kualiti Air. Hasil diperoleh mendapat bahawa sungai ini dikategorikan sebagai tidak tercemar.

Kajian ini sangat penting, kerana sumber air di sungai itu dijadikan sebagai sumber bekalan air minuman kepada penduduk sekitar.

Masalah pencemaran alam sekitar di Cameron Highlands yang dikatakan semakin kritikal perlu diselesaikan dengan segera. Aktiviti pembersihan tanah di beberapa kawasan hutan rizab telah dijalankan secara berleluasa sehingga menyumbang kepada pencemaran sungai di kawasan peranginan tanah tinggi itu. Penyelidikan yang dijalankan ini telah mendapat liputan ekslusif oleh pemberita *Kosmo!* di sepanjang kajian tersebut.

Pasukan Penyelidik dari ESERI telah diberi tanggungjawab untuk melakukan kerja-kerja penyelidikan di sekitar pusat peranginan serta tempat penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kandungan kualiti air di kebanyakan sungai di sekitar Cameron Highlands terjejas teruk. Hal ini secara tidak langsung telah menjadikan kualiti air minuman dan kesihatan penduduk. Di samping itu, kemerosotan kualiti air juga boleh menjadikan prospek pelancongan di kawasan tersebut.



Program Tindakan Dalam Komuniti

Seramai 17 orang pelajar perubatan tahun tiga telah menjalani *posting* perubatan masyarakat selama tujuh minggu (13 April - 29 Mei 2014). Dalam tempoh *posting* ini pelajar telah menjalankan kajian berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi ketidakaktifan secara fizikal dalam kalangan penduduk dewasa berumur 18 - 65 tahun di Kampung Undang, Marang. Didapati hampir separuh iaitu 46 peratus penduduk tergolong dalam kategori tidak aktif secara fizikal. Faktor-faktor yang didapati berkait secara signifikan ialah jantina iaitu perempuan didapati kurang aktif berbanding lelaki. Selain jantina, mereka yang tidak bekerja, bersikap negatif terhadap aktiviti fizikal dan merasakan suasana sekeliling tidak menyokong aktiviti fizikal merupakan faktor-faktor yang menyumbang secara signifikan terhadap aktiviti fizikal dalam kalangan penduduk.

Susulan dari kajian ini, pelajar telah menjalankan program tindakan di penghujung *posting*. Program tindakan ini telah dijalankan pada 24 Mei 2014 dan diadakan serentak dengan majlis anugerah cemerlang anak-anak Kampung Undang yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Sambutan daripada penduduk setempat terhadap program tersebut sangat menggalakkan.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program adalah senamrobik, pemeriksaan serta ceramah kesihatan, sukaneka dan pertandingan futsal. Seramai tiga orang pensyarah yang juga merupakan penasihat



kumpulan ini telah turun padang dan menjalankan khidmat nasihat kepada penduduk kampung. Unit Pendidikan Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu bekerjasama menjayakan program tersebut dengan menyumbangkan poster kesihatan yang dipamerkan di gerai-gerai pameran. Program ini telah dirasmikan oleh Penyelaras DUN Bukit Payung, Tuan Haji Mohd Nor Endut. Sempena dengan majlis ini juga, penduduk wanita kampung Undang telah membuat pertunjukan tumbuk emping lima orang sekaligus. Menumbuk emping merupakan aktiviti tahunan penduduk kampung tersebut kerana sebilangan besar terlibat dalam sektor pertanian.

Siswa@Kampung 2014



Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), UniSZA telah menjayakan Kursus Bakti Siswa@Kampung pada

16 - 18 Mei 2014, di Kampung Salang, Pulau Tioman, Pahang. Aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini adalah berdasarkan modul alam sekitar lestari.

Objektif modul ini adalah untuk membudayakan amalan dan kecintaan terhadap alam sekitar lestari dalam kalangan mahasiswa dan komuniti setempat. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar melalui program kitar semula. Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir selaku Pengarah ESERI turut menyampaikan ceramah berkaitan kualiti serta kesan pencemaran air kepada masyarakat.

Mahasiswa dari UPM diberi peluang untuk menjalankan penyelidikan dan mengkaji air sungai dan laut yang terdapat di sekitar kawasan kem penginapan Kampung Salang. Mahasiswa turut didedahkan kepada pengalaman sebenar menjalankan uji kaji berkaitan kualiti air dari pelbagai punca dan mengenal pasti tahap kebersihannya.

Program Saintis Muda Alam Sekitar



Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), UniSZA dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Tok Jembal, Institut Penyelidikan Produk Dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) dan Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), telah menganjurkan Program Saintis Muda Alam Sekitar (*Young Environmental Scientist –Y.E.S.*) pada 10 Mei 2014 bertempat di Sekolah Kebangsaan Tok Jembal, Kuala Terengganu sebagai usaha meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan pelajar sekolah. Objektif program tersebut adalah untuk memberikan pengalaman baharu kepada pelajar tentang bagaimana saintis menjalankan kajian terutamanya dalam mengenal pasti masalah pencemaran alam sekitar.

Modul untuk program ini memfokuskan tiga pendekatan utama iaitu sains, teknologi dan alam sekitar; Islam dan alam sekitar; dan *English and environment*. Seramai 60 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Tok Jembal yang terdiri daripada pelajar tahun enam terlibat dalam menjayakan program ini. Penilaian kualiti air sungai telah dipilih sebagai aktiviti kerja lapangan yang melibatkan pengukuran in-situ kualiti air sungai. Enam parameter kualiti air yang dipilih iaitu oksigen terlarut (DO), pepejal terampai (SS), kekeruhan (Tur), warna (Kol), kekonduksian elektrik (EC) dan pH diukur menggunakan peralatan mudah alih seperti *YSI Multi Parameter*, dan *Soil Test Kit*.

Hasil program ini menunjukkan pelajar dengan jelas memahami teknik yang digunakan dalam penentuan kualiti air sebuah sungai sebagai sumber keperluan menggunakan pengukuran secara in-situ. Di samping itu, pemahaman tentang Islam dan penggunaan bahasa Inggeris dalam sains alam sekitar juga turut diberikan penekanan. Ceramah dan tugas interaktif Islam dan Alam Sekitar telah dikendalikan oleh pihak INSPIRE, manakala tugas interaktif *English and Environment* telah dikendalikan oleh pihak FBK. Kesemua modul ini telah dirangkumkan dalam satu cabaran interaktif iaitu *Y.E.S. Explorace*. Selain daripada itu, aktiviti pameran dan pemeriksaan kesihatan turut diadakan sebagai usaha memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar.

Bersempena Program Saintis Muda Alam Sekitar tersebut, satu Forum Perdana yang bertajuk ‘Alam Sekitar dari Perspektif Islam dan Sains’ telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniSZA, Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman. Panel yang dijemput bagi mengupas tajuk ini ialah Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah dari Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam UniSZA dan Prof. Dr. Sharifuddin Md Zain dari Universiti Malaya, manakala moderator ialah Ustaz Mohd Ali Yusof dari UniSZA.





Intensive English Mobility Programme Welcomes First Group From Kazakhstan

For three weeks in June 2014, students from the Egyptian University of Islamic Culture 'Nur Mubarak' participated in the first ever English Mobility Programme organized by the International Unit, Corporate and International Communication Centre (PKKA), UniSZA.

Students focused on studying English with a concentration on the various language skills, reading, writing, listening and speaking. Seven students from Almaty, Kazakhstan completed the course which involved over 100 hours of instruction. Not all their time was spent in the classroom however, various outdoor activities were also part of the programme.

Students following the mobility course spent two days at Tasik Kenyir participating in the second annual 'Kenyir Bird and Nature Quest 2014'. Here students learned more about the wildlife found at Tasik Kenyir, and trekked through the tropical forest with experts in wildlife research. Students were active players in the event which included 80 participants from 10 different countries.

Closer to home, the students explored the Terengganu State Museum and Taman Tamadun

Islam on the weekend, and also visited Pasar Payang and Kuala Terengganu Chinatown by taking the ferry from Seberang Takir.

Teaching support for the programme came from a dedicated group of teachers and lecturers from the Knowledge Enhancement Centre and Faculty of Languages and Communication.

Students were very pleased with the course saying the classroom instruction allowed them to improve their English skills over the three weeks here and has served to motivate them to learn more in the future. They also enjoyed the time spent outside the classroom on the various educational trips.

With the success of this first attempt at organizing an Intensive English Mobility Programme for international students, PKKA will work to ensure similar courses are held regularly. The programme serves to build links between UniSZA and institutions and students from far afield. Campus diversity is enriched by such activities, which in turn enhances the university experience for all.

Bicara Antara Benua di Perpustakaan UniSZA



Jabatan Perpustakaan telah mengadakan satu program ‘Bicara Antara Benua’ sebagai pengisian kepada program IQRA’ yang merupakan program khidmat komuniti perpustakaan kepada masyarakat. Program ini merupakan kerjasama antara Perpustakaan UniSZA dengan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu (BTPNT) yang berlangsung pada 7 Mei 2014 di Atrium, Perpustakaan UniSZA Kampus Gong Badak. Sesi ini dikendalikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa UniSZA, Encik Anuar McAfee dan para peserta yang terlibat adalah empat orang pelajar siswazah UniSZA dari Nigeria, Syria dan Thailand serta warga SK Felda

Jerangau Barat yang terdiri daripada seorang guru besar, dua orang guru Bahasa Inggeris serta empat orang Pengawas Pusat Sumber sekolah.

Sesi bual bicara ini dijalankan secara santai dan ilmiah serta merupakan satu pendekatan yang baik untuk perbincangan dan perkongsian maklumat dan pendapat secara terus dari para peserta yang terlibat dan sekaligus dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris kepada pelajar sekolah. Antara perkara yang dibincang dan dikongsikan bersama adalah

mengenai budaya membaca, budaya belajar, perubahan teknologi, perbezaan yang ada di perpustakaan dari segala sudut, serta peluang yang boleh diambil dan dimanfaatkan daripada kesan teknologi dan globalisasi di setiap negara. Bual bicara ini diakhiri dengan sesi soal jawab dan bergambar. Program ini merupakan wadah yang baik untuk berdiskusi dan berinteraksi bagi menjana idea dan mendapatkan maklumat yang jelas tentang isu dan perkara yang dibangkitkan. Semoga ilmu dan maklumat yang dikongsi bersama dapat memberikan pendedahan yang bermanfaat kepada para peserta.

Nigerian Students Begin Their Studies at UniSZA

In mid April 2014, 122 students from Kano, Nigeria arrived at the UniSZA Gong Badak Campus to begin their graduate studies. All 122 of the Nigerian students are here on a full scholarship from the Kano State Government, Nigeria. They are studying in various fields, with students conducting research in seven different faculties. 119 are taking a Masters degree, while three others are studying at the PhD level. While most of the Kano students are male, there are six women from Kano studying here as well.

Nigeria has the largest population and is the largest economy in Africa. Kano State, with over nine million inhabitants, is the most populous state in Nigeria. Half the people of Nigeria are Muslim and the other half Christian. Most residents of Kano however, are Muslim. Yahaya Garba Shawai, a representative

from the Nigerian students at UniSZA has shared his impressions of his first few months with us. His thoughts appear below.

Islam in Terengganu

It is a joy to be in Terengganu, we were all happy when we arrived because we could see that the society overall here regularly practiced and observed Islam. We are grateful to have found ourselves in such an environment, where respect for strangers and neighbours alike is common.

The UniSZA Mosque was the first place we visited on campus, after our long bus ride from KLIA to Terengganu, it was an appropriate introduction for us to university life here.

Malaysia France University Centre Visits UniSZA

On April 1, 2014, representatives from the Malaysia France University Centre (MFUC) paid a one-day visit to UniSZA. Four members from MFUC attended, including Datuk Seri Dr. Md. Zabid, MFUC Director (Malaysia) and Dr. Maxime Feraille, MFUC Director (France). Representing UniSZA were Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim, Vice Chancellor, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad, Deputy Vice Chancellor (Academic and International), Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said, Assistant Vice Chancellor, as well as members from several faculties and research centres.

MFUC is a government to government body with offices in Kuala Lumpur, operating in close coordination with the Malaysian Ministry of Education. It functions in an advisory capacity, working to link Malaysian and French universities and researchers sharing common interests.

France, as a member of the European Union (EU), is able to benefit from many large research grants available there. Malaysian researchers with partners in France would also be able to benefit from the same research grant schemes. MFUC would like to assist UniSZA and staff in building new partnerships with French institutions of higher learning.

Some of the grants discussed were BIO-ASIE and



STIC-ASIA, both offering up to RM160,000 over two years. While the EU PROGRAM HORIZON 2020 has over RM363 billion in funding available over 7 years, from 2014 to 2020. This is in addition to various grants made available by the French Embassy in Malaysia.

In the discussions, attention was given to Aropolis and the Faculty of Agriculture, Biotechnology and Food Science, as the potential for collaboration is strong. It was pointed out that each faculty and research centre will have their own specific areas for cooperation. It was concluded that each PTJ should prepare a list of research areas their members currently focus on, and share that with MFUC in order to set up partnerships where possible.

Society

When we arrived, we received the best of treatment from UniSZA students and staff, both academic and non-academic. And beyond the university, we were received warmly in the community wherever we went. Locals have gone out of their way to assist us when they see us in town or in the Gong Badak area. We have started to build new friendships, and often enjoy playing football and other sports to become more involved with student life here.

Academic

The academic culture we have experienced here is an open one. Student teacher relations are based on mutual respect, where we feel close to our supervisors, not scared of them. This leads to a more productive learning process ensuring student goals and the university's objectives are met.

Challenges

There are some challenges faced by the Nigerian students, but this is to be expected as we have come from a very different place compared to Terengganu. The two main difficulties for us are food and language. When you travel to a new country, it will take some time to adjust to the different food available, and that is what most of us are experiencing now. The other challenge is of course the local language, Bahasa Malaysia, which is used extensively in the community off campus. We are from an English speaking country, with Hausa as our local language. Not everyone in our group speaks Arabic. We are grateful however to have been given a one-week intensive Bahasa Malaysia class where we learned some basics which have helped us to begin to communicate better with the local community.

Atlet Memanah UniSZA Wakili Malaysia ke Poland

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menghantar kontinjen ke Kejohanan *10th World University Archery Championship 2014* yang berlangsung dari 2 - 5 Julai 2014 di Legnica, Poland. Seramai empat orang pegawai dan 12 atlet telah terpilih menyertai kejohanan ini. Pegawai Sukan dan atlet UniSZA telah diberikan kepercayaan untuk mewakili Malaysia bagi memburu pingat dalam kejohanan tersebut. Kem Latihan telah berlangsung di MSN Bukit Jalil pada 23 - 28 Jun 2014. Kem ini dijalankan sebagai persediaan dan persiapan pasukan sebelum kejohanan tersebut dan atlet yang terpilih adalah dalam kalangan atlet kebangsaan yang mampu menyumbang pingat kepada negara di kejohanan berkenaan. Pelantikan sebagai pengurus dan juga jurulatih memberikan satu imej positif kepada UniSZA dalam menjuarai sukan



memanah di Malaysia. Kepercayaan ini mampu melonjakkan lagi prestasi cemerlang sukan memanah di UniSZA dan juga di Malaysia.

Bil.	Nama Pegawai	IPT/ Agensi
1.	Riduan Mohamed Arof (Pengurus)	Universiti Sultan Zainal Abidin
2.	Faziallah Mamat (Pegawai Teknikal)	Universiti Sultan Zainal Abidin
3.	Lee Jae Hyung (Jurulatih)	Majlis Sukan Negara
4.	Nazrin Aizad Mat Nasir (Penolong Jurulatih)	Universiti Sultan Zainal Abidin

Bil.	Nama Atlet	IPT/ Agensi
1.	Haziq Kamaruddin	Universiti Malaya / Majlis Sukan Negara
2.	Atiq Bazil Bakri	Majlis Sukan Negara
3.	Azizul Azri Abdul Aziz	Universiti Putra Malaysia
4.	Saritha Cham Nong	
5.	Kurniadi Muhtar	
6.	Ahmad Aliff Fadhlullah Alwi	Universiti Teknologi Mara
7.	Adibah Tajuddin	
8.	Nor Hayati Al-Madihah Hashim	
9.	Sazatul Nadhirah Zakaria	Universiti Teknologi Malaysia
10.	Muhammad Shaiffuddin Mohd Kamro	
11.	Siti Nurul Asiah Mahmod	Universiti Sultan Zainal Abidin
12.	Azuanis Abdullah	

Sekalung Tahniah

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim


Atas pengurniaan Darjah Kebesaran
Panglima Jasa Negara (P.J.N.)
yang membawa gelaran
Datuk


oleh

**DYMM Seri Paduka Baginda
Yang Di Pertuan Agong**

dari

Warga UniSZA






Applied Standard Setting in Student Performance

Penulis: Arunodaya Barman

ISBN: 978-983-9842-73-9

Abstract

Globalisation, mobility of doctors and the rising number of medical institutions make it imperative to have comparable standards in medical teaching, learning and assessment. Setting, maintaining and periodically re-evaluating assessment standards are important issues in medical education. Setting standards is important but it is cumbersome. The methods should yield cut-off score or decision validity evidence that permits dichotomous categorisation, insensitive to the examinee's performance, instruction or training. The methods employed should also be statistically sound and practicable, credible, easy to implement and interpret for the layman. There were 38 standard setting methods and procedures up to 1986 and nearly 50 in 1996. It is not certain, for a particular situation, which one of the existing standard setting methods is appropriate. This text explains how to calculate cut-score for examinees' performance using existing methods in the assessment of competency based curriculum.



Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas Ulama Terengganu Abad Ke-19


Penulis: Hasanulddin Mohd

ISBN: 978-983-9842-78-4

Harga: RM22.00

Abstrak

Syeikh Abdul Qadir Abdul Rahim Bukit Bayas merupakan seorang ulama yang paling berpengaruh di Terengganu pada kurun ke-19. Hal ini terbukti apabila ramainya tokoh ulama yang dilahirkan di Terengganu adalah hasil didikan beliau belaka. Antaranya termasuklah Baginda Sultan Omar, Tok Ku Tuan Besar, Tok Syeikh Duyong dan lain-lain. Sumber sejarah ada mencatatkan bahawa beliau juga pernah dilantik menjadi Mufti Kerajaan Negeri Terengganu yang pertama meskipun beliau bukan berasal dari negeri tersebut. Ironisnya, biodata dan sejarah hidup beliau jarang dibicara atau diwacanakan. Apakah lagi apabila menyentuh tentang sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh tokoh ini serta kesannya kepada masyarakat setempat. Hal ini jelas suatu kerugian buat masyarakat dan golongan ilmuwan itu sendiri. Begitu juga karya-karya yang dikarang oleh Syeikh Abdul Qadir Abdul Rahim Bukit Bayas masih belum berjaya dijejaki dan dikaji sepenuhnya, terutamanya dari sudut bidang yang ditulis, bilangannya dan kesahihan nisbah kitab tersebut kepada beliau. Justeru, penulis merasa begitu terpanggil untuk menyumbang sedikit saham dalam menulis biografi lengkap Syeikh Abdul Qadir. Ia merangkumi latar belakang negeri Patani dan Terengganu pada zaman Syeikh Abdul Qadir, riwayat hidup beliau, sifat-sifat peribadi, pendidikan, dan penghijrahan beliau. Seterusnya turut disentuh ialah sumbangan beliau kepada negeri Terengganu dan masyarakat secara umumnya. Selain itu, karya tulis peninggalan Syeikh turut disentuh dalam satu topik yang khusus. Akhirnya, buku kecil ini ditutup dengan rumusan dan cadangan yang difikirkan sesuai bagi mengangkat ketokohan beliau khususnya, dan para ilmuwan Melayu Islam secara umumnya. Buku ini sesuai ditelaah oleh golongan ilmuwan, pengkaji sejarah, pendidik, penuntut dan mereka yang cintakan para ulama dan ilmu itu sendiri.



Methadone Maintenance Therapy

Penulis: Nasir Mohamad

ISBN: 978-983-9842-79-1

Harga: RM19.00

Abstract

Opioid dependency and chronic opioid consumption requires a highly skilled approach in the management of this ailment. Relapse of opioid dependency is the main obstacle for its successful management. Nevertheless, retention in methadone maintenance therapy (MMT) programmes is the key measure of a good output. This book provides a basic understanding of opioid dependency and methadone therapy. It covers opioid addiction in society, basic pharmacology of methadone, implications of opioid use on human progress and development, harm reduction strategies, biopsychosocial-behavioural therapy as well as an Islamic perspective on opioid dependency and management. A combination of pharmacology and psycho-behavioural therapy ensures a comprehensive approach in managing opiate dependency. In addition, five case studies in this book will further describe the successes and failures of managing opiate dependent individuals.